



Malaysia turun ranking kes terbanyak dunia

Dulu tangga ke-17 dunia, kini Malaysia turun ke tangga ke-29 Covid-19

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM

Malaysia terus mencatatkan penurunan kedudukan dalam senarai negara dijangkiti pandemik koronavirus (Covid-19) terbanyak di seluruh dunia apabila negara kini menghuni tangga ke-29 semalam berbanding tangga ke-17 pada 19 Mac lalu.

Berdasarkan data statistik yang dikeluarkan Johns Hopkins University setakat jam 7 malam tadi, beberapa negara lain seperti Chile, Denmark dan India sudah mula mengatasi Malaysia yang sehingga kini mencatatkan keseluruhan kes jangkitan Covid-19 sebanyak 3,662 orang.

Kedudukan terkini itu sekali gus menunjukkan usaha keras Malaysia membendung pandemik Covid-19 melalui inisiatif pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mula menampakkan keberkesanan memberangsangkan.

Hakikat itu disokong Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi/Biostatistik) Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan daripada Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Malina Osman yang menegaskan trend terkini statistik kes jangkitan Covid-19 di Malaysia sudah mula menunjukkan keluk mendatar dalam tempoh beberapa hari kebelakangan ini.

Dr Malina berkata, trend itu juga berpotensi mengetepikan ramalan aktuari beberapa agensi dunia seperti JP Morgan yang menjangkakan Malaysia akan mengalami



Penduduk Kampung Jawa, Nor Azilawati Kamarul Zaman mengangkat barang keperluan untuk diberi pada ahli keluarganya yang terkandas berikutan PKPD di Kampung Sungai Lui Batu 21 hingga Batu 24, Hulu Langat semalam.

peningkatan kes jangkitan Covid-19 akibat gelombang ketiga pada pertengahan bulan April.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran bahawa lengkung statistik jangkitan kes Covid-19 di Malaysia mampu kembali meningkat mendadak seperti di Hong Kong sekiranya kerajaan tidak mengambil iktibar daripada pendekatan wilayah itu yang melonggarkan serta-merta pelaksanaan PKP sebaik angka jangkitan kes yang dicatatkan mula mendatar.

“Tindakan PKP sejak 18 Mac lalu sememangnya memberikan hasil positif apabila julat anggaran kes jangkitan Covid-19 hanya sekitar 110 hingga 235 kes dalam tempoh beberapa hari ini, sekali gus menunjukkan keluk mendatar berbanding trend jangkaan JP Morgan yang sepatutnya menunjukkan jumlah kes meningkat mencanak.

“Meskipun ada jangkaan berlaku gelombang ketiga peningkatan kes jangkitan Covid-19, kita lihat statistik terkini Kementerian Kesihatan (KKM) terus menunjukkan keputusan lebih baik.

“Kita berharap rakyat terus mencontohi disiplin rakyat negara Jepun dan Korea Selatan untuk terus mencatatkan penurunan lengkung. Namun sekiranya kita tidak berhati-hati dan terus melonggarkan PKP sebaik sahaja kes jangkitan berkurangan, kita boleh menerima nasib seperti Hong Kong,” katanya kepada *Sinar Harian*

di sini semalam.

Berikutan kebimbangan itu, Dr Malina mengakui terdapat keperluan kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan PKP selepas 14 April ini kerana masih terdapat lebih 2,000 pesakit yang positif Covid-19 dirawat di hospital.

Menurutnya, kesemua pesakit positif Covid-19 yang masih dirawat mahupun yang kini menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) masih berpotensi mewujudkan gelombang jangkitan baharu pandemik itu sekiranya kerajaan tidak berhati-hati menanganinya.

“Selain menasihati rakyat negara ini untuk terus mematuhi PKP demi memutuskan rantaian penularan Covid-19, saya juga berharap kesemua petugas barisan hadapan lebih berwaspada dan turut mengamalkan penjarakkan sosial seperti amalan pembersihan tangan sekerap mungkin bagi mengelakkan mereka mudah dijangkiti.

“Bagi golongan sukarelawan yang menyalurkan bantuan kelengkapan perlindungan diri atau makanan kepada petugas barisan hadapan atau bantuan kebajikan kepada golongan memerlukan, mereka juga diingatkan untuk berhati-hati bagi mengelakkan menjadi punca penularan Covid-19,” katanya.

>> LIHAT STATISTIK COVID-19 DI SELURUH DUNIA DI MUKA 8



DR MALINA

FOTO: BERNAMA